

**SENTRAL**

## Pejabat Pendaftar Unisza diiktiraf ISO

**KUALA TERENGGANU**  
- Pejabat Pendaftar Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) berjaya memperoleh pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.

Kejayaan itu adalah selari dengan cabaran Naib Canselor Unisza, Profesor Datuk Dr Yahaya Ibrahim agar Pejabat Pendaftar menjadi pusat pertama di Unisza meraih pengiktirafan daripada Sirim Qas Malaysia.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) Unisza, Profesor Dr Mohd Ekhwan Toriman berkata, kejayaan itu satu pencapaian yang cukup besar dan membanggakan.



Mohd Ekhwan (tengah) ketika sidang media di Sumai Hotel Apartment.

"Sijil akreditasi ini sangat penting untuk menjamin supaya pengurusan universiti dapat dilaksanakan dengan telus dan mengikut peraturan

yang telah ditetapkan," katanya.

Menurutnya, pejabat pendaftar telah mengambil langkah dengan mulakan

bengkel penyediaan dokumen bermula Julai 2013.

Skop Audit Persijilan adalah Perkhidmatan Pengurusan dan Pembangunan

Sumber Manusia yang merupakan proses utama yang dijalankan oleh Pejabat Pendaftar.

"Audit Persijilan Peringkat Pertama dijalankan pada 11 November 2014 bersama seorang auditor pihak Sirim, manakala peringkat kedua persijilan berlangsung selama dua hari iaitu pada 4 dan 5 Februari 2015."

"Proses pengauditan peringkat kedua dijalankan oleh dua orang auditor yang memfokuskan kepada pematuhan aspek proses kerja dan dokumen sokongan berkaitan. Pada 5 Jun lalu, Pejabat Pendaftar Unisza telah dianugerahkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 (PPSM) dengan

nombor pendaftaran sijil AR 6357," katanya lagi.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Unisza telah berjaya dalam memperoleh rating dalam QS, iaitu salah satu badan rating yang diiktiraf dunia, yang mana Kementerian Pengajian Tinggi menggunakan kaedah yang sama dalam menilai ranking dan rating universiti awam di negara ini.

"Insya-Allah pada tahun depan, Unisza akan masuk dalam penilaian ranking dunia tetapi kita tidak tahu di peringkat mana Unisza berada, namun kita berharap boleh berada dalam kategori 300 universiti terbaik di peringkat Asia."